

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 7 TAHUN 2021**

Tarikh : 28 Julai 2021 (Rabu)

Masa : 2.30 petang – 3.50 petang

Tempat : Secara Dalam Talian
(Aplikasi Zoom *Meeting*)

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Setiausaha Majlis Bandaraya Subang Jaya.

2.0 TAYANGAN AKTIVITI BULAN JULAI 2021

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Julai 2021.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang ketujuh bagi tahun 2021 yang dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Semua ahli mesyuarat diminta untuk mengaktifkan video dan memaparkan wajah sebenar sepanjang mesyuarat berlangsung bagi memastikan keberadaan semasa mesyuarat. Ahli mesyuarat juga perlu memastikan mikrofon dimatikan agar tidak mengganggu sesi mesyuarat. Sekiranya ahli mesyuarat ingin menyuarakan pendapat, maka mikrofon boleh dihidupkan untuk tujuan tersebut.
- ii) Pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytihar kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan serta hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.

- iv) Datuk Bandar memaklumkan bahawa tempoh pembayaran cukai taksiran penggal kedua telah bermula pada bulan ini dan akan berakhir pada 31 Ogos 2021. Pihak Majlis menyeru kepada semua pemilik cukai taksiran MBSJ supaya menjalankan tanggungjawab masing-masing membayar cukai taksiran agar Majlis dapat memberikan perkhidmatan perbandaran yang terbaik, lancar dan berkesan. Walaupun pihak Majlis sedar pandemik virus covid yang berlaku sekarang banyak memberi kesan negatif kepada penduduk namun kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan pembangunan masih perlu diteruskan mengikut jadual.

Bil penggal kedua bagi tahun ini yang telah diproses adalah sebanyak 315,672 pegangan dengan nilai RM 103.40 juta manakala untuk tunggakan cukai adalah sebanyak RM 93.41 juta.

Setakat 30 Jun 2021, prestasi kutipan untuk penggal pertama hanya 85.1% iaitu sebanyak RM 27.14 juta masih belum berbayar.

Dalam keadaan yang tidak menentu ini, pihak Majlis telah mengambil langkah penjimatan khususnya mengurangkan belanja mengurus bagi mengimbangi pendapatan yang menurun. Salah satu daripadanya adalah dengan tidak mencetak dan mengepos bil cukai secara konvensional. Penjimatan yang diperolehi adalah sebanyak RM 1.13 juta setahun.

Dengan adanya perkembangan teknologi masa kini, pihak Majlis mengambil peluang sepenuhnya mengalakkan penduduk mendapatkan bil cukai taksiran mereka secara e-Bil melalui portal Majlis tanpa perlu mendaftar. Pemilik hanya perlu membuat carian menggunakan nombor akaun dan boleh membayar secara dalam talian (*online*) dan lain-lain agensi tanpa perlu hadir ke pejabat MBSJ. Platform bayaran yang telah disediakan adalah seperti yang berikut:

- i) Portal Ezy@MBSJ;
- ii) Perbankan Internet melalui Maybank, CIMB, Bank Islam, Public Bank;
- iii) JomPay;
- iv) Agensi lain seperti Pejabat Pos, PBT Negeri Selangor, stesen minyak yang menggunakan ePay;
- v) Aplikasi E-Wallet seperti Touch N Go, Boost, GrabPay, Zapp;
- vi) Portal dan aplikasi agensi kerajaan dan swasta seperti PBTPay, MyPay, CEPat, Shopee;
- vii) Kios Pembayaran MBSJ di pusat membeli belah seperti Sunway Pyramid, IOI Mall Puchong, Empire Shopping Gallery, AEON Taman Equine dan Giant Kinrara.

Dengan penyediaan saluran pembayaran yang meluas ini, diharapkan penduduk dan pengusaha perniagaan dapat membuat pembayaran cukai dengan mudah, tenang dan membayar pada bila-bila masa yang selesa 24jam setiap hari di rumah mahupun di

mana-mana. Platform bayaran ini merupakan suasana pembayaran yang paling sesuai dalam situasi pandemik Covid yang masih meruncing.

Majlis mengucapkan terima kasih kepada pembayar cukai yang telah melaksanakan tanggungjawab membayar cukai. Majlis berjanji akan sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua.

- v) Beliau turut memaklumkan data berkaitan kes demam denggi di kawasan pentadbiraan MBSJ. Sehingga minggu Epid 29 iaitu sehingga 24 Julai 2021, terdapat sebanyak 1,261 kes positif demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ.

Pemerhatian sepanjang minggu epid 29 iaitu daripada 18 sehingga 24 Julai 2021 mendapati terdapat 3 lokaliti hotspot denggi yang dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ iaitu di Taman Lestari Putra 4 sebanyak 26 kes, Taman Perindustrian SIME UEP Subang Jaya sebanyak 19 kes dan USJ 11/3 sebanyak 13 kes .

Majlis menyeru masyarakat supaya terus meluangkan masa 10 minit seminggu sekali untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes di dalam dan sekitar premis masing-masing.

- vi) Datuk Bandar turut berkongsi maklumat berkenaan kes covid-19. Sehingga 25 Julai 2021 terdapat sebanyak 1,013,438 kes positif Covid 19 dilaporkan di seluruh Malaysia dengan sebanyak 7,994 kes kematian.

Statistik di Negeri Selangor menunjukkan sebanyak 367,469 kes positif Covid 19 dilaporkan dengan sebanyak 115,072 kes di daerah Petaling manakala sebanyak 40,406 kes adalah di kawasan pentadbiran MBSJ.

Sebanyak 129 kes positif Covid 19 telah dilaporkan di kalangan kakitangan MBSJ sejak pandemik ini bermula. Bagi situasi semasa, terdapat 18 kes aktif Covid 19 di kalangan kakitangan MBSJ.

Sehingga kini, seramai 1,394 kakitangan MBSJ telah menerima suntikan vaksin Covid 19 iaitu meliputi 92.01% daripada keseluruhan kakitangan MBSJ. Daripada 1,394 kakitangan yang telah menerima suntikan vaksin Covid 19, seramai 1,202 telah menerima lengkap 2 dos vaksin iaitu sebanyak 79.34% daripada keseluruhan kakitangan MBSJ dan hanya 121 kakitangan sahaja yang masih belum menerima suntikan vaksin.

Seluruh rakyat Malaysia perlu bersama-sama membantu bagi memutuskan rantai Covid 19 dengan terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengelakkan 3S (Sesak, Sempit,

Sembang Dekat) dan mengamalkan 3W iaitu Wash(kerap basuh tangan/guna handsanitizer), Wear (digalakkan memakai pelitup mulut dan hidung), Warn (tidak bersalaman,etika batuk/bersin,disinfeksi,periksa suhu badan).

- vii) Datuk Bandar juga memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pembukaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) CITEF Persekutuan yang telah bersidang pada 6 Julai 2021 telah bersetuju untuk memulakan pengoperasian Pusat Pemberian Vaskin (PPV) Negeri Selangor di Dewan Serbaguna MBSJ Puchong Indah bermula 26 Julai 2021.

Pengoperasian PPV ini adalah bagi melengkapkan pelaksanaan Program Imunisasi Covid 19 Kebangsaan yang sedang dilaksanakan bagi memastikan imuniti kelompok di Negeri Selangor dapat dipertingkatkan dan dicapai dengan lebih awal. Pengoperasian PPV ini adalah dari jam 9 pagi hingga 9 malam setiap hari (Isnin hingga Ahad). Kapasiti PPV ini adalah seramai 1,500 penerima vaksin setiap hari.

Buat masa ini, penerima vaksin adalah mereka yang telah menerima temujanji di My Sejahtera dan hanya warga emas yang berusia 60 tahun ke atas sahaja yang dibenarkan datang secara terus (*walk in*).

- viii) Pemakluman berkaitan Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor Dan Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Selangor 2021 yang dihoskan oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya akan disiarkan secara langsung secara dalam talian pada 9 Ogos 2021 (Isnin), jam 9.00 pagi menerusi laman rasmi facebook Amirudin Shari dan facebook Majlis Bandaraya Subang Jaya.

- ix) Datuk Bandar mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir secara dalam talian dan berharap mesyuarat pada hari ini berjalan lancar.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 6/2021

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2021 bertarikh 30 Jun 2021 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 6/2021

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2021 bertarikh 30 Jun 2021 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 5/2021 bertarikh 7 Julai 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2021 bertarikh 13 Julai 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pertanyaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.9 & m/s 10	Encik Thamilarusu a/l Sandayan	Cadangan Usahasama Dengan Badan Pengurusan Bersama (JMB) Untuk Kutipan Cukai Taksiran	Beliau memohon penjelasan mengenai kaedah kutipan Cukai Taksiran yang akan dilaksanakan oleh pihak JMB. Adakah maklumat berkenaan pemilik cukai akan diserahkan kepada

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>JMB dan JMB dibenarkan membuat kutipan cukai?</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar memaklumkan bahawa, pihak Majlis tidak membekalkan maklumat individu kepada JMB. Pihak JMB hanya perlu membuat hebahan pembayaran kepada penduduk serta tidak dibenarkan membuat kutipan cukai.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

**6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang
Jaya bil. 10/2021 bertarikh 30 Jun 2021**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang
Jaya bil. 11/2021 bertarikh 14 Julai 2021**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan
Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 5/2021 bertarikh
15 Julai 2021**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan dan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 12.2 & m/s 34	Encik Thomas Low Yew Sin	Hal-hal Lain	<p>Beliau meminta dibuat pindaan terhadap ejaan nama beliau daripada Thomas Low Yen Sen kepada Thomas Low Yew Sin.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan membuat pindaan terhadap kesalahan ejaan nama tersebut.</p> <p>Tindakan :</p> <p>Jabatan Pelesenan</p>
2.	Para 12.4 (i) & m/s 35	Puan Lee Jen Uyin	Pembaharuan Lesen	Beliau memohon supaya pihak Majlis memberikan pertimbangan terhadap pemilik lesen yang telah tamat pada bulan Jun

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>atau Julai untuk tidak dikenakan tindakan kompaun sehingga kaunter bayaran beroperasi.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar memaklumkan bahawa pembayaran pembaharuan lesen boleh dilaksanakan secara dalam talian. Sebarang isu berkaitan Pelesenan, Ahli Majlis boleh meminta pemohon lesen untuk menghubungi Jabatan Pelesenan mengikut saluran komunikasi yang disediakan.</p> <p>Pertimbangan terhadap perkara ini akan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>dibincangkan bersama Jabatan berkaitan.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pelesenan</p>
3.	Para 12.4 (ii) & m/s 36	Encik Thamilarusu a/l Sandayan / Encik M.Anbarasan A/L Murugesu	Pembaharuan Lesen Sementara	<p>Beliau memohon penjelasan adakah pihak Majlis akan memberikan kelonggaran terhadap pembaharuan lesen sementara?</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat memutuskan perkara berikut :</p> <p>i) Majlis bersetuju supaya lesen sementara yang tidak dapat memenuhi syarat-syarat lesen dalam tempoh 6 bulan pertama akan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>diberikan pelanjutan tempoh sehingga penggal kedua. Lanjutan lesen sementara kedua ini diberi secara automatik bagi memberikan peluang kepada pemohon untuk mematuhi syarat-syarat Pelesenan.</p> <p>ii) Bagi permohonan lesen yang telah dibatalkan, peniaga boleh membuat permohonan semula menggunakan dokumen asal seperti visual iklan permit yang telah mendapat kelulusan Dewan Bahasa dan Pustaka. Tetapi bagi syarat-</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>syarat lain, pemohon perlu mengikut ketetapan dasar pekeliling, peraturan serta undang-undang kecil Majlis yang digunapakai.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pelesenan</p>

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2021 bertarikh 15 Julai 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.2(iii) & m/s 7	Encik Yap Kok Weng	Laporan Jabatan Pengurusan Alam Sekitar bagi bulan	Beliau memohon penjelasan adakah kutipan minyak masak

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Jun 2021	<p>terpakai akan diperluaskan kepada pekedai swasta di dalam kawasan pentadbiran MBSJ?</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat memutuskan cadangan perluasan kutipan minyak masak terpakai kepada pekedai swasta di dalam kawasan pentadbiran MBSJ akan dibentangkan dan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam mesyuarat akan datang.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</p>

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2021 bertarikh 13 Julai 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.5 & m/s 7	Encik Yap Kok Weng	Kertas Laporan Status Cadangan Pemasangan Kamera Litar CCTV di kawasan MMP Zon 21, 22, 23 dan 24 dengan Kerjasama Universiti Putra Malaysia bagi Pembangunan Analisis Video	Beliau meminta supaya kos tambahan yang menggunakan bajet inden MPP terlibat perlu mendapatkan persetujuan daripada MPP terlebih dahulu. Keputusan Mesyuarat : Mesyuarat meminta persetujuan untuk menggunakan bajet inden MPP bagi menampung kos tambahan pemasangan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>CCTV daripada 4 MPP seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="1105 478 1555 1157">i) MPP Zon 21 – Encik Thong Kim Fatt selaku Pengerusi MPP Zon 21 bersetuju untuk menggunakan peruntukan inden MPP Zon 21 bagi menampung kos tambahan pemasangan CCTV.<li data-bbox="1105 1178 1555 1856">ii) MPP Zon 22 – Encik Wong Yii Seang selaku Pengerusi MPP Zon 22 bersetuju untuk menggunakan peruntukan inden MPP Zon 22 bagi menampung kos tambahan pemasangan CCTV.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>iii) MPP Zon 23 – Encik Teh Eng Teck selaku Pengerusi MPP Zon 23 bersetuju untuk menggunakan peruntukan inden MPP Zon 23 bagi menampung kos tambahan pemasangan CCTV.</p> <p>iv) MPP Zon 24 – Encik Thamilarusu Sandayan selaku Pengerusi MPP Zon 24 bersetuju untuk menggunakan peruntukan inden MPP Zon 24 bagi menampung kos tambahan pemasangan CCTV.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Teknologi Maklumat</p>

7.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.15 pagi.

Tarikh Disediakan : 2 Julai 2021

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Setiausaha

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR – SECARA DALAM TALIAN

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | TPr. Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Datuk Bandar | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik M. Anbarasan A/L Murugesu | - | " |
| 5. | Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim | - | " |
| 6. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 7. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 8. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 9. | Encik Thomas Low Yew Sin | - | " |
| 10. | Encik Thamilarusu a/l Sandayan | - | " |
| 11. | Encik Wong Yii Seang | - | " |
| 12. | Puan Lee Jen Uyin | - | " |
| 13. | Puan Ng Seow Chen | - | " |
| 14. | Encik Thong Kim Fatt | - | " |
| 15. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | " |

16.	Encik Muhammad Khairil bin Khalid	-	"
17.	Encik Teh Eng Teck	-	"
18.	Encik Mohd Fitri bin Jamaludin	-	"
19.	Puan Aniza binti Jamaludin	-	"
20.	Encik Mohamad Syafiq bin Mohamad Norizan	-	"
21.	Encik Kenneth Sam A/L Saminathan	-	"
22.	Encik Jestin Raj Savarimuthu	-	"
23.	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	-	"
24.	Encik Mohamad Kamil bin Harun	-	"
25.	Encik Jaafar bin Mat Akid	-	"

TURUT HADIR – SECARA DALAM TALIAN (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Tuan. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
4. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

5. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
6. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
7. Sr. Aida binti Omar, MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
8. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Ts Azura Binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
10. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
11. Encik Muhammad Azli Bin. Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
12. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, K.M.N, P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam
14. Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
15. Encik Farid bin Ibrahim
Pengarah, Jabatan OSC
16. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
17. Encik Afzarizal Bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik

18. Puan Azlina Binti Mat Salim
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap
19. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
20. TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar

TIDAK HADIR

1. TPr. Haji Ismail bin Muhammad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan